



SIARAN AKBAR

PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN DAN LAPORAN KESTABILAN KEWANGAN BDCB BAGI TAHUN 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini menerbitkan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan bagi tahun 2025.

Laporan Tahunan BDCB (AR) 2025

2. AR BDCB 2025 mengetengahkan inisiatif utama BDCB dalam melaksanakan mandatnya, memacu pembangunan dasar, serta menetapkan keutamaan masa hadapan. Antara sorotan utama ialah:
 - a) Ekonomi Negara Brunei Darussalam mencatat peningkatan sebanyak 0.7% pada tahun 2025, didorong oleh prestasi sektor minyak dan gas yang lebih kukuh, manakala inflasi kekal rendah dan stabil, dengan catatan penurunan sebanyak 0.3%.
 - b) BDCB terus memperkukuh pengurusan kecairan melalui semakan terhadap keperluan Baki Tunai Minimum (*Minimum Cash Balance*) serta pengenalan tempoh matang tambahan bagi BDCB I-Bills, sekali gus meningkatkan fleksibiliti bagi bank-bank dalam menguruskan kecairan masing-masing.
 - c) BDCB terus memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaannya melalui notis dan garis panduan utama berkaitan peperiksaan pelesenan, pengurusan risiko teknologi, serta pembanterasannya perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT). Pengawasan penyeliaan turut dipertingkatkan melalui pemeriksaan *onsite* dan penilaian *offsite* berasaskan risiko, pelaksanaan rangka kerja Penunjuk Amaran Awal, serta simulasi krisis dan latihan keselamatan siber. Artikel 1, “**Memperkukuh Kesiapsiagaan Krisis dan Keupayaan Penyelesaian bagi Memastikan Kestabilan Kewangan**”, menghuraikan pengajaran utama daripada latihan simulasi krisis tersebut.
 - d) Kemajuan ketara dicapai dalam memperkukuh infrastruktur pembayaran negara melalui pengenalan keperluan baharu bagi penerapan Piawai Kod QR Kebangsaan, yang akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang Januari 2027, serta memberi kebenaran bagi operasi “*tarus*”, sebuah platform pembayaran masa nyata. Inisiatif-inisiatif tersebut menandakan langkah penting ke arah ekosistem pembayaran yang lebih cekap dan saling beroperasi.
 - e) Bagi memajukan agenda kewangan lestari, BDCB telah melancarkan Pelan Hala Tuju Kewangan Lestari Negara Brunei Darussalam atau *Brunei Darussalam Sustainable Finance Roadmap* (SFR), yang berfungsi sebagai panduan strategik bagi sektor kewangan negara untuk mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*) serta

kelestarian. Ciri-ciri utama pelan ini diketengahkan dalam artikel 2, “**Tinjauan Lebih Mendalam terhadap SFR**”.

- f) Persediaan juga telah dimulakan bagi Financial Sector Blueprint (FSBP) bagi tempoh 2026 hingga 2035. Maklumat lanjut mengenai usaha ini disediakan dalam artikel 5, “**Membentuk Masa Depan Sektor Kewangan**”.
 - g) BDCB telah mengumumkan siri baharu mata wang Brunei yang menampilkan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memelihara integriti dan keselamatan mata wang negara. Maklumat lanjut mengenai ciri-ciri keselamatan tersebut digariskan dalam artikel 3, “**Pengumuman Mengenai Siri Baharu Mata Wang**”.
 - h) BDCB terus memperkukuh penglibatan serantau dan antarabangsa, termasuk melalui peranannya sebagai Pengerusi ASEAN Taxonomy Board, yang menyaksikan pelancaran ASEAN Taxonomy Version 4. *Bilateral Roundtable* kelima antara BDCB dan Monetary Authority of Singapore (MAS) turut memperkukuh kerjasama antara kedua-dua pihak, termasuk melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi mewujudkan pengatur cagaran rentas sempadan secara timbal balik ataupun *reciprocal cross-border collateral arrangement*.
3. AR 2025 juga merangkumi Penyata Kewangan BDCB yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Laporan Kestabilan Kewangan [FSR] 2025

4. FSR 2025 membentangkan penilaian BDCB terhadap sistem kewangan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2025. Laporan ini menekankan bahawa sistem kewangan kekal berdaya tahan walaupun berdepan ketidaktentuan luaran yang meningkat serta perkembangan geopolitik yang mempengaruhi prospek ekonomi dan kewangan global. Dalam konteks ini, BDCB kekal komited untuk memastikan sistem kewangan yang selamat, kukuh dan berdaya tahan melalui pemantauan yang rapi serta penyeliaan secara proaktif.
5. Antara sorotan utama FSR 2025 ialah:
- a) Jumlah aset sistem kewangan meningkat sebanyak 2.6% kepada BND25.9 bilion pada tahun 2025, dengan sektor perbankan kekal sebagai segmen dominan yang merangkumi lebih 80% daripada jumlah aset. Bank-bank terus mengekalkan tahap modal dan kecairan yang kukuh, dengan penamparan (*buffers*) melebihi keperluan pengawalseliaan yang ditetapkan.
 - b) Dalam sektor perbankan, pertumbuhan kredit kekal stabil, didorong terutamanya oleh pembiayaan korporat, manakala pinjaman isi rumah kekal sederhana. Kualiti kredit terus bertambah baik, mencerminkan amalan pemberian pinjaman yang berhemat. Sektor ini terus mencatat keuntungan, walaupun pendapatan menurun berikutan dengan kadar faedah global yang rendah.
 - c) Sektor bukan perbankan kekal berdaya tahan, dengan sektor takaful dan insurans mengekalkan tahap kesolvenan yang kukuh. Sektor pasaran modal mencatat pertumbuhan yang stabil, disokong

oleh aset di bawah pengurusan (*assets under management*) yang melebihi BND1 bilion pada tahun 2025.

- d) Pertumbuhan transaksi QR dan wang elektronik (*e-money*), serta peningkatan penggunaan platform “*tarus*”, mencerminkan peranan pembayaran digital yang semakin penting dalam sistem kewangan negara.
6. FSR 2025 juga menampilkan beberapa artikel khas yang memberikan pandangan terhadap risiko baharu dan perkembangan utama sektor kewangan, termasuk:
- a) Pengenalan **Tinjauan Persepsi Risiko Sistemik** dua kali setahun pada tahun 2025 didapati telah memperkukuh pemantauan kewangan dengan merangkumi persepsi risiko yang memandang ke hadapan merentasi pelbagai sektor, termasuk bank, syarikat insurans, pengendali takaful, dan pemegang lesen pasaran modal. Hasil tinjauan tersebut menunjukkan peningkatan sederhana dalam sentimen risiko secara keseluruhan, walaupun kebimbangan masih wujud dalam aspek seperti keselamatan siber, perkembangan fiskal dan keuntungan sektor kewangan.
 - b) Penilaian mengenai potensi **impak ketidaktentuan dasar Amerika Syarikat terhadap ekonomi dan sistem kewangan Negara Brunei Darussalam**, termasuk saluran transmisi utama melalui harga tenaga, aktiviti perdagangan dan keadaan pasaran kewangan. Walaupun pendedahan langsung adalah terhad, kesan tidak langsung melalui saluran ini masih boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Oleh itu, risiko berkenaan perlu terus dipantau dengan teliti. Namun demikian, sistem kewangan kekal berdaya tahan, disokong oleh langkah berhemat yang kukuh, asas yang mantap serta penyeliaan berterusan.
 - c) Pengenalan piawaian kecairan baharu, iaitu **Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*)** yang bertujuan untuk memperkukuh lagi kedayatahan kecairan jangka pendek bank-bank. Piawaian ini memerlukan bank untuk mengekalkan aset kecairan berkualiti tinggi yang mencukupi bagi menampung aliran keluar tunai, serta berupaya menghadapi senario tekanan yang signifikan bagi tempoh 30 hari kalendar. Sehubungan itu, sistem perbankan terus mencatatkan LCR yang melebihi keperluan pengawalseliaan.
 - d) Penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap **Rangka Kerja Amalan Pasaran**, yang memberikan pandangan mengenai usaha untuk menggalakkan amalan yang adil, telus dan bertanggungjawab di seluruh sektor kewangan, sekali gus memperkukuh perlindungan pengguna serta meningkatkan keyakinan orang ramai.
7. [Laporan Tahunan BDCB 2025](#) dan [Laporan Kestabilan Kewangan 2025](#) boleh diakses sepenuhnya melalui laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Tarikh: 10 Muharram 1448H/ 26 Jun 2026